

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA,**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LIN  
(BUKIT BINTANG)**

**TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TUAN FONG KUI LIN (BUKIT BINTANG) minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan bantuan kebajikan untuk setiap kaum yang diluluskan dan  
ditolak dalam Kuala Lumpur sepanjang 3 tahun lalu termasuk kes  
pembaharuan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguruskan perkhidmatan bantuan kebajikan kepada pelbagai kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan keluarga miskin. Kementerian komited untuk memastikan perkhidmatan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar dengan cepat dan berkesan.

Setiap permohonan baru dengan dokumen lengkap yang diterima akan terus diproses dan diberikan keputusan. Bagi pengurusan kes baru iaitu kes yang diluluskan dan ditolak bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2013, sejumlah 3,977 permohonan yang telah diterima. Daripada jumlah tersebut sejumlah 1,940 permohonan telah diluluskan dan sejumlah 2,122 telah ditolak disebabkan tidak memenuhi syarat dan kelayakan bantuan kebajikan. Manakala bagi kes kaji semula adalah sebanyak 4,518 telah dilanjutkan bantuan kebajikan.

Pada tahun 2014 pula, sejumlah 5,760 permohonan baru telah diterima. Daripada jumlah tersebut sejumlah 3,222 permohonan telah diluluskan dan sejumlah 944 serta bagi kes kajian semula sejumlah 4,875 dilanjutkan.

Manakala bagi tahun 2015, sejumlah 2,425 permohonan telah diluluskan dan sejumlah 1,177 permohonan telah ditolak daripada jumlah permohonan baru iaitu sebanyak 5,604. Di samping itu juga, sejumlah 3,551 kes kaji semula telah dilanjutkan setelah proses siasatan semula.

Statistik bilangan kes permohonan baru yang diluluskan dan ditolak mengikut kaum bagi tahun 2013 hingga 2015 di Wilayah Persekutan Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

Tahun/ Etnik	Melayu		Cina		India		Peribumi Sarawak		Lain-Lain		Jumlah	
	Lulus	Tolak	Lulus	Tolak	Lulus	Tolak	Lulus	Tolak	Lulus	Tolak	Lulus	Tolak
2015	1,045	458	794	385	583	334	1	0	2	0	2,425	1,177
2014	1,307	352	1,047	317	864	275	2	0	0	0	3,222	944
2013	728	799	685	700	527	623	0	0	0	0	1,940	2,122